



Yayasan Waqaf Malaysia

## KENYATAAN MEDIA

### **PROJEK WAKAF PERTANIAN BERSEPADU (WATANI) TANGANI KOS SARA HIDUP DAN PERKASA JAMINAN BEKALAN MAKANAN NEGARA**

- 
1. Melalui pengumuman Kerajaan di bawah Belanjawan 2022, sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pemerkasaan wakaf khusus melalui inisiatif Wakaf Pertanian Bersepadu atau WATANI yang dilaksanakan oleh Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).
  2. Inisiatif WATANI bertepatan dalam mendepani krisis global kini iaitu isu inflasi serta masalah bekalan makanan. Model WATANI dilihat mampu menjadi pemangkin kepada penurunan kadar kebergantungan kepada import bekalan makanan luar di saat nilai mata wang yang tidak menentu seterusnya menyumbang kepada kestabilan sekuriti dan kedaulatan makanan negara.
  3. Laman WATANI merupakan projek perintis di bawah Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI) yang digerakkan oleh Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) bersama YWM MAIN Holdings Sdn. Bhd (YWH) sebuah syarikat subsidiari milik penuh YWM.
  4. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad menerusi ucapan perasmian Laman WATANI YWM berkata, Laman WATANI memiliki fungsi dan matlamat yang besar iaitu sebagai tapak penerokaan dalam membangunkan projek pertanian melalui instrumen wakaf dan projek ini merupakan satu usaha penting di peringkat nasional, maka ianya telah dijadikan sebagai KPI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

5. Tambahnya, dalam usaha menjadikan wakaf sebagai salah satu instrumen pemerkasaan sosioekonomi ummah, WATANI telah menggariskan beberapa matlamat besar, antaranya;
  - a) Melestari aset dan tanah wakaf di seluruh negara melalui kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) termasuk tanah milik agensi, jabatan kerajaan atau swasta;
  - b) Menjadi penghubung kepada kelompongan dalam pengeluaran agro-makanan negara;
  - c) Pemerkasaan rantaian bekalan makanan negara dengan menjadi pemain dalam industri agromakanan negara;
  - d) Meringankan bebanan sara hidup Keluarga Malaysia dari aspek belanja bahan makanan; dan
  - e) Menjadi hub pemasar terus kepada pengguna yang lebih efektif dengan kerjasama rentas agensi serta kementerian terutamanya dalam kalangan agensi agama.
6. Laman WATANI yang terletak di Presint 20, Putrajaya berkeluasan 10 ekar milik Perbadanan Putrajaya ini menjadi ladang komersil atau *learning ground* bagi prospek industri tani yang berpotensi membangunkan sosioekonomi masyarakat. Penerokaan tapak ini menfokuskan kepada 3 jenis tanaman iaitu tanaman kontan, tanaman jangka sederhana dan tanaman jangka panjang.
7. Antara jenis tanaman yang diketengahkan adalah *Golden Melon*, Cili Fertigasi, Jagung, Nanas Yankee, Nanas MD2 dan Pisang Tanduk dengan sasaran nilai jualan antara antara RM90,000 hingga RM240,000 bagi tempoh 3 bulan bergantung kepada jenis tanaman.
8. YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad turut menyeru agar inisiatif Wakaf Pertanian Bersepadu yang dilaksanakan ini disokong oleh semua pihak agar potensinya mampu membawa industri wakaf ke peringkat lebih tinggi dan muncul sebagai salah satu ikon kejayaan projek wakaf berbentuk komersil di Malaysia.
9. Turut hadir dalam majlis yang sama, YBhg. Dato' Selamat bin Paigo, Ketua Pengarah Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) merangkap Naib Pengurus YWM, YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

(JAKIM), YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya, wakil MAIN, wakil agensi kementerian dan swasta.

**Yayasan Waqaf Malaysia  
12 Ogos 2022**

- Tamat -

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

- 1. Puan Hanim Idzura binti Mohd Kalyubi  
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat  
Yayasan Waqaf Malaysia  
019-3888016 | [hanim@ywm.gov.my](mailto:hanim@ywm.gov.my)**
  
- 2. Cik Nur Ain binti Mohd Nazri  
Pegawai Media  
Yayasan Waqaf Malaysia  
011-33065054 | [nurain.nazri@ywm.gov.my](mailto:nurain.nazri@ywm.gov.my)**